



SEBAHAGIAN daripada 200 peserta yang menyertai program TalentCorp Boot Camp di Kuantan, Pahang, semalam.

UTUSAN MAJUANNA DALAM NEGERI | 12 MEI 2016 M/S 25

## Pelajar UMP sertai kem tingkat kemahiran komunikasi

**KUANTAN 11 Mei** - Lebih 200 pemahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai TalentCorp Boot Camp yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini sempena Karnival Kerjaya UMP 2016 di Dewan UMP Holdings, kampus Gambang di sini.

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UMP, Prof. Dr. Zulkifli Yaacob berkata, program anjuran Talentcorp Malaysia Sdn. Bhd., itu diadakan bagi meningkatkan kemahiran komunikasi dan mencari bakat-bakat baru yang berpotensi untuk diketengahkan.

"Mahasiswa UMP berpeluang mendapatkan input-input baharu tentang kehendak industri di samping meningkatkan komunikasi dan kemahiran insaniah menerusi siri aktiviti yang disediakan dalam TalentCorp Boot Camp ini.

"Mereka juga didedahkan dengan pengetahuan dan berkongsi pengalaman masing-masing melalui pengisian program yang dilaksanakan," katanya di sini hari ini.

Menurut Zulkifli, pihaknya bergabung dengan komitmen ditunjukkan para peserta dalam setiap aktiviti yang diadakan.

"Sambutan yang diberikan oleh mahasiswa amat membanggakan. Antara aktiviti yang diadakan adalah *Grooming Etiquette*, pemadianan bakat, penyediaan resume, penyelesaian masalah di tempat kerja dan cara menjawab soalan semasa sesi temuduga," ujar beliau.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pembangunan dan Penempatan Kerjaya, Datuk Jeffrey Khor Chooi Beng berkata, program dimulakan dengan pembahagian peserta mengikut kumpulan bagi memudahkan pelaksanaan tujuh modul

yang disediakan pengajar.

"Menariknya, program ini dikendalikan oleh seorang yang cukup berpengalaman iaitu Ketua Unit Program Latihan Talentcorp Malaysia Sdn. Bhd., Selvan Adinarayanan. Peserta yang layak akan ditawarkan bekerja terus dengan syarikat berkenaan," ujarnya.

Dalam pada itu, seorang peserta, Muhammad Aiqal Shukri Abu Bakar, 23, bersyukur kerana dapat menyertai program tersebut sekali gus menimba pengalaman sebelum berhadapan dengan dunia pekerjaan sebenar.

"Syukur kerana saya kini bertambah yakin dan bersedia untuk melangkah ke dunia pekerjaan. Banyak tip dan ilmu yang saya pelajari menerusi program ini," katanya yang merupakan pelajar tahun akhir pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia.



**Mahasiswa UMP berpeluang mendapatkan input-input baharu tentang kehendak industri di samping meningkatkan komunikasi dan kemahiran insaniah menerusi siri aktiviti yang disediakan dalam TalentCorp Boot Camp ini."**

**ZULKIFLI YAACOB**  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UMP